

Dr M dan Musa harap MCA bersatu kembali

# PM: Fikirkan masa depan parti

BH 26 NOV 1985

Oleh AHMAD NAZRI ABDULLAH

HANGZHOU (China), Isnin — Kemenangan puak Tan Koon Swan dengan majoriti yang besar adalah kemenangan yang jelas dan tidak boleh dipertikaikan lagi, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Bagaimanapun, tegas beliau, pihak yang menang mestilah memikirkan masa depan parti supaya kekal dengan kekuatan asalnya dan bukan dengan kekuatan yang separuh.

Bercakap kepada wartawan Malaysia di sini hari ini, Perdana Menteri menyatakan agak terlalu awal baginya membuat sebarang keputusan mengenai kedudukan wakil-wakil MCA dalam kabinet.

Katanya, kedudukan menteri bukanlah terlalu terikat dengan soal parti kerana faktor-faktor lain juga perlu diambil kira.

Perdana Menteri, yang juga Pengerusi Barisan Nasional mengucapkan tahniah kepada mereka yang menang dan berharap parti akan kembali kukuh dan bersatu.

"Jika MCA ingin memainkan tugasnya dengan berkesan dalam Barisan Nasional, pe-

lah juga berhak menyuarakan pendapat mereka.

"Yang kalah juga ada penyokong cuma mereka tidak memegang jawatan. Ini tidak bermakna mereka juga tidak berhak sebagai ahli parti.

"Suara minoriti dalam sesebuah parti perlu diambil kira dan saya berharap semua pihak patut memikirkan masa depan mereka."

Ditanya sama ada keputusan ini akan menamatkan krisis yang berlanjutan hampir dua puluh bulan, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, ini bergantung kepada pemimpin-pemimpin MCA yang menang, sama ada akan bertindak sebagai pendamai atau pemecah.

"Saya selalu berkata bahawa dalam satu-satu pertandingan, yang menang tidak harus mengambil semua dan yang kalah tidak harus hilang semua.

"Keputusan telah menentukan pihak yang menang, tentulah ada caranya supaya yang kalah tidak hilang semua," ujarnya.

## Berkesan

Sementara itu, di Kua-

rakyat," katanya.

Dalam pemilihan itu, Encik Tan Koon Swan dipilih untuk memimpin MCA, setelah menumpaskan Datuk Dr Neo Yee Pan dengan majoriti 1,906 undi. Encik Tan mendapat 2,715 undi.

Datuk Musa mengu-

capkan tahniah kepada Encik Tan dan semua pemimpin baru MCA dan juga jawatankuasa sementara yang dipengerusikan oleh setiausaha BN, Encik Ghafar Baba, kerana kejayaannya mengendalikannya pemilihan parti itu.

mimpin-pemimpin parti itu hendaklah menentukan ia menjadi badan yang kukuh dan kuat, bukan badan yang berpecah belah," ujarnya.

Menyentuh kedudukan Dr Neo Yee Pan dan Datuk Mak Hon Kam yang belum menjawab tawaran Tan Koon Swan, Perdana Menteri berkata, "agak terlalu awal bagi mereka menyesuaikan diri dengan keputusan itu dan mungkin masih dalam keadaan kecewa.

"Bagaimanapun, yang kalah bukanlah dua orang saja tetapi ramai lagi. Mereka ini semua mempunyai penyokong, oleh itu mereka harus juga mendengar pendapat penyokong-penyokong mereka," ujarnya.

Menurut Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad lagi, ada cara-cara yang boleh dibuat supaya yang kalah tidak hilang semua.

Dalam politik, kita tidak mahu yang menang menggondol semua jawatan, kerana yang ka-

la Lumpur, Bernama melaporkan Pemangku Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam, juga berharap dengan berakhirnya pemilihan MCA, seluruh anggota dan pemimpinnya akan bersatupadu dan menumpukan tugas serta tanggungjawab terhadap mengukuhkan lagi kedudukan Barisan Nasional (BN).

Dalam satu kenyataannya hari ini, Datuk Musa berkata keadaan sedemikian perlu untuk menghadapi cabaran-cabaran bersama demi kepentingan seluruh rakyat.

Beliau juga percaya keadaan yang wujud sekarang akan membolehkan MCA bersama-sama dengan parti-parti komponen BN yang lain merancang dan melaksanakan program-program pembangunan negara dengan lebih berkesan lagi.

"Keberkesanan itu memang sangat-sangat diperlukan oleh seluruh